

SOLAT HAJAT & *YOUTH GATHERING* SPPS 2010

Oleh: Asniah Udin

Program Solat Hajat & *Youth Gathering* SPPS 2010 telah diadakan buat julung-julung kalinya pada 28 Oktober 2010. Program kerohanian ini telah dianjurkan oleh Exco Kerohanian, Sahsiah dan Moral (EKSAMO) PERMADIK Sesi 2009/2010 SPPS, UMS. Program ini telah diketuai sepenuhnya oleh Saudara Jeemion Jeali yang merupakan Ketua Exco

EKSAMO PERMADIK berserta ahli jawatan kuasa yang lain. Objektif Solat Hajat & *Youth Gathering* ini ialah untuk menerapkan nilai-nilai penghayatan islam dan kerohanian dalam diri Mahasiswa/i mengikut kepercayaan agama masing-masing. Di samping itu, penganjuran program sedemikian adalah bertujuan untuk memohon keredhaan dan keberkatan

Tuhan dalam menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang tiba. Dengan tema "Memohon Keredhaan Tuhan" program ini dimulakan dengan ucapan dan amanat daripada Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial iaitu Prof Madya Dr. Mohd. Yusof Abdullah kepada para pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan semester ini.